

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh JWP untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Brickfields, Kuala Lumpur, terutamanya di Jalan Sultan Abdul Samad.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca berlakunya banjir kilat di kawasan Brickfields adalah disebabkan oleh sistem saliran longkang dan *kerb outlet* tepi jalan yang terhalang dengan sampah sarap dan daun-daun pokok. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah banjir kilat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) sentiasa mengambil tindakan segera bagi memastikan kelancaran aliran air dalam longkang serta air hujan yang memasuki kerb outlet longkang tepi jalan tidak terhalang oleh sampah sarap dan daun-daun pokok. Bagi insiden yang berlaku di Jalan Sultan Abdul Samad, kerja-kerja pembersihan sistem saliran terutamanya longkang tepi jalan, kerb outlet longkang tepi jalan dan paip longkang yang melintasi jalan (*crossing pipe*) di lokasi kejadian telah dilaksanakan pada kadar segera selepas berlaku insiden banjir kilat tersebut.
2. DBKL juga telah menaiktaraf *kerb outlet* sedia ada bagi melancarkan aliran air di sekitar Jalan Sultan Abdul Samad serta berhampiran Gereja *Our Lady of Fatima*, Brickfields. Ini bagi memastikan kapasiti sistem saliran longkang sedia ada dan sekitarnya terus berada dalam keadaan paling optimum bagi mengurangkan risiko, seterusnya mengelakkan insiden sama berulang.
3. Pada masa yang sama, DBKL juga telah melantik perunding untuk mengkaji masalah banjir kilat di sekitar Jalan Sultan Abdul Samad tersebut. Berdasarkan kajian, didapati antara punca lain yang menyumbang kepada insiden banjir kilat yang berlaku di lokasi adalah disebabkan oleh isu kapasiti kuasa pam berhampiran Sungai Klang yang tidak mencukupi serta kapasiti longkang yang tidak lagi mampu menampung air hujan apabila hujan berintensiti tinggi berlaku. Kajian awalan banjir ini telah dijalankan bermula pada 18 April 2022 dan

NO SOALAN: 13

mengambil masa selama 8 bulan untuk diselesaikan.

4. Kajian ini mendapat kapasiti sistem saliran di sekitar lokasi tidak dapat menampung jumlah hujan yang tinggi; dan kapasiti pam sedia ada di lokasi tidak lagi mampu menampung aliran takungan air yang berlebihan. Oleh yang demikian DBKL kini dalam perancangan untuk melaksanakan satu (1) projek bagi kerja-kerja mempertingkatkan sistem saliran di Jalan Sultan Abdul Samad dan kawasan sekitarnya. Alternatif yang sedang diteroka adalah dengan mengenal pasti kawasan tanah untuk pembinaan OSD (*On Site Detention*) di jajaran Sungai Klang di sekitar kawasan tersebut. Projek OSD merupakan kaedah kawalan di lokasi yang akan ‘menampung’ lebihan taburan hujan bagi mengelakkan kejadian banjir kilat. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada ketersediaan tanah di lokasi projek. Projek tersebut kini dalam proses akhir untuk dilaksanakan dan dijangka boleh dimulakan sebelum penghujung tahun 2024 ini dan selesai selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah dan bila akan mula dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan Ke-2, Bil.1 Tahun 2023 pada 7 Disember 2023 yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, telah membincangkan untuk meneliti cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah ini dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) bersama dengan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).
2. Justeru saya telah menujuhkan Jawatankuasa Pasukan *Task Force* Jambatan Labuan-Sabah pada 14 Januari 2024. Beberapa siri Mesyuarat Penyelarasaran Jabatan dan Penyelarasaran Pewujudan Pasukan *Task Force* Jambatan Labuan-Sabah telah diadakan bermula dari bulan Februari sehingga Mei 2024 bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Unit Kerjasama Awam Swasta dan PLANMalaysia telah diadakan.
3. Pada 27 hingga 28 Januari 2024, satu lawatan kerja telah dibuat oleh ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan ke Bandaraya Kuching bagi melihat contoh terdekat projek infrastruktur jambatan yang sedang dilaksanakan iaitu Projek Pembinaan Jambatan Sebuyau di samping menjalinkan kerjasama erat antara agensi.
4. Lawatan YAB Perdana Menteri pada 31 Mei 2024 sekali lagi menegaskan akan keperluan kajian kebolehlaksanaan Jambatan Labuan-Sabah memandangkan input kajian yang dilaksanakan sebelum ini oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 2010 adalah data lama dan memerlukan pengemaskinian. Kajian tersebut tidak menyeluruh terutamanya melibatkan aspek-aspek teknikal yang perlu diperincikan dan

diambil kira.

5. Pada 6 Jun 2024, YB Menteri KKR memaklumkan pihaknya dalam peringkat penyediaan Terma Rujukan (*Term of Reference*) bagi melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) Jambatan Labuan-Sabah. Kajian ini akan mengambil tempoh masa selama 12 bulan untuk disiapkan dengan anggaran kos sebanyak RM2.5 juta. Keperluan Pembinaan Jabatan Labuan-Sabah akan dimulakan selepas kajian Feasibility Study ini diperolehi. Kajian akan mengambil kira aspek-aspek merangkumi ekonomi, sosial dan kebajikan serta kepentingan rakyat. Selain itu, kajian ini juga akan meneliti '*new business model*' dan *Return of Investment* (ROI) dalam pelaksanaan Jabatan Labuan-Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ketidakmampuan Jabatan Landskap dan Rekreasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menguruskan banyaknya pokok- pokok besar dan tua mengakibatkan pokok-pokok tumbang sekitar Bandaraya sewaktu musim hujan selama ini. Apakah tindakan susulan mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon supaya pertanyaan daripada YB Wangsa Maju dijawab bersekali dengan pertanyaan bernombor 25 dan 39 daripada YB Bukit Bintang dan YB Bandar Tun Razak pada tarikh hari ini, beserta dengan pertanyaan bernombor 85 daripada YB Batu Pahat bertarikh 3 Julai 2024, kerana menyentuh isu yang hampir sama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan fizikal berjalan sejajar dengan perlindungan alam sekitar, di samping memberikan nilai estetik melalui kehijauan pokok, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menitikberatkan tanggungjawab pengurusan pokok rendang di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini dan mudarat berlaku kepada orang awam.

3. Menjawab isu pertama, mengenai kemampuan DBKL dalam menguruskan pokok – pokok besar dan tua, sebenarnya, dalam hal ini, pihak DBKL sudah pun menjalankan penilaian pokok-pokok berusia bermula pada 1 Januari 2019 dengan melantik kontraktor penilaian pokok berisiko (*Tree Risk Assesment*) dan penilaian ekonomi pokok di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 1,488 batang pokok telah diperiksa dan dikenal pasti iaitu 173 daripadanya dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan telah selesai ditebang.

4. Dalam masa yang sama, DBKL meneruskan pemeriksaan pokok-pokok berusia, dan bagi tujuan ini, arahan kerja kepada kontraktor untuk membuat pemeriksaan ke atas 240 batang pokok telah dikeluarkan dan dijangka akan selesai pada Ogos 2024.

NO SOALAN: 25

5. Bagi isu kedua, mengenai pokok berisiko tinggi di atas tanah persendirian, perlu difahami bahawa pengurusan dan penyelenggaraan pokok adalah di bawah tanggungjawab dan kewajipan pemilik tanah persendirian atau pihak pengurusan skim pemajuan berstrata (seperti pemaju / *Joint Management Body / Management Company / SubManagement Company*) bagi mengelakkan dari berlakunya risiko kemalangan pokok tumbang. Perkara ini jelas diperincikan di bawah Seksyen 101(cc)(i) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
6. Hasil daripada aduan yang disalurkan oleh orang awam mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian sejak tahun 2021 sehingga Mei 2024, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 65 surat pemberitahuan mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian dan 2,807 surat peringatan (notis) telah dikeluarkan kepada pihak pengurusan yang aktif bagi skim pemajuan berstrata berkenaan tanggungjawab dan peranan mereka termasuklah isu pengurusan dan penyenggaraan pokok pada bulan April 2024.
7. Isu ketiga, adalah dijelaskan bahawa DBKL tidak menginsuranskan pokok-pokok di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan ke atas orang awam yang disebabkan oleh pokok di bawah seliaan DBKL, orang awam adalah dilindungi di bawah Polisi Tanggungan Awam (*Public Liability Policy*).
8. Semenjak tahun 2017 sehingga 2024, terdapat 14 kes kemalangan yang disebabkan oleh pokok tumbang di Kuala Lumpur, melibatkan 9 kes kecederaan dan 5 kes kematian. Daripada jumlah ini, sebanyak 3 kes masih dalam siasatan dan prosiding mahkamah, manakala 6 kes ditolak kerana kes kemalangan berlaku di luar kawasan seliaan DBKL, dan baki 5 kes lagi telah selesai dibayar oleh pihak insurans.
9. Sebagai maklum balas keseluruhan bagi ketiga-tiga isu yang berkaitan dengan pokok berisiko tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya ingin kongsikan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Task Force Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur pada 25 Jun 2024 yang lalu, melibatkan beberapa kluster keanggotaan iaitu, kluster akademik, kluster badan profesional, dan wakil agensi Kerajaan.

NO SOALAN: 25

Keanggotaan *task force* ini akan diperluaskan kepada NGO berkaitan alam sekitar.

10. *Task force* ini juga akan meneroka potensi penubuhan ‘Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau’ bagi menggalakkan kerjasama awamswasta, termasuk sumbangan orang ramai, melalui pendekatan *whole-of-nation* dalam meningkatkan kompetensi landskap hijau di samping mengekalkan peratusan kawasan hijau Kuala Lumpur sebagaimana sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

11. Akhir sekali, bagi mencerminkan komitmen DBKL, seramai 21 kontraktor telah dilantik bermula 15 Jun 2024 bagi penyelenggaraan pokok rendang secara berkala. Setiap kontraktor perlu menyediakan seorang Arborist, iaitu individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok, untuk menilai tahap kesihatan dan tindakan mitigasi ke atas pokok.

12. Menurut rekod DBKL, bagi tahun 2024 sehingga bulan Jun sahaja, kerja-kerja penyelenggaraan telahpun dijalankan ke atas 22,283 batang pokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan langkah-langkah pencegahan yang lebih holistik telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan mengenai pokok-pokok yang berisiko tinggi atas tanah persendirian.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon supaya pertanyaan daripada YB Wangsa Maju dijawab bersekali dengan pertanyaan bernombor 25 dan 39 daripada YB Bukit Bintang dan YB Bandar Tun Razak pada tarikh hari ini, beserta dengan pertanyaan bernombor 85 daripada YB Batu Pahat bertarikh 3 Julai 2024, kerana menyentuh isu yang hampir sama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan fizikal berjalan sejajar dengan perlindungan alam sekitar, di samping memberikan nilai estetik melalui kehijauan pokok, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menitikberatkan tanggungjawab pengurusan pokok rendang di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini dan mudarat berlaku kepada orang awam.

3. Menjawab isu pertama, mengenai kemampuan DBKL dalam menguruskan pokok – pokok besar dan tua, sebenarnya, dalam hal ini, pihak DBKL sudah pun menjalankan penilaian pokok-pokok berusia bermula pada 1 Januari 2019 dengan melantik kontraktor penilaian pokok berisiko (*Tree Risk Assesment*) dan penilaian ekonomi pokok di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 1,488 batang pokok telah diperiksa dan dikenal pasti iaitu 173 daripadanya dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan telah selesai ditebang.

4. Dalam masa yang sama, DBKL meneruskan pemeriksaan pokok-pokok berusia, dan bagi tujuan ini, arahan kerja kepada kontraktor untuk membuat pemeriksaan ke atas 240 batang pokok telah dikeluarkan dan dijangka akan selesai pada Ogos 2024.

NO SOALAN: 39

5. Bagi isu kedua, mengenai pokok berisiko tinggi di atas tanah persendirian, perlu difahami bahawa pengurusan dan penyelenggaraan pokok adalah di bawah tanggungjawab dan kewajipan pemilik tanah persendirian atau pihak pengurusan skim pemajuan berstrata (seperti pemaju / *Joint Management Body* / *Management Company* / *SubManagement Company*) bagi mengelakkan dari berlakunya risiko kemalangan pokok tumbang. Perkara ini jelas diperincikan di bawah Seksyen 101(cc)(i) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

6. Hasil daripada aduan yang disalurkan oleh orang awam mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian sejak tahun 2021 sehingga Mei 2024, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 65 surat pemberitahuan mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian dan 2,807 surat peringatan (notis) telah dikeluarkan kepada pihak pengurusan yang aktif bagi skim pemajuan berstrata berkenaan tanggungjawab dan peranan mereka termasuklah isu pengurusan dan penyenggaraan pokok pada bulan April 2024.

7. Isu ketiga, adalah dijelaskan bahawa DBKL tidak menginsuranskan pokok-pokok di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan ke atas orang awam yang disebabkan oleh pokok di bawah seliaan DBKL, orang awam adalah dilindungi di bawah Polisi Tanggungan Awam (*Public Liability Policy*).

8. Semenjak tahun 2017 sehingga 2024, terdapat 14 kes kemalangan yang disebabkan oleh pokok tumbang di Kuala Lumpur, melibatkan 9 kes kecederaan dan 5 kes kematian. Daripada jumlah ini, sebanyak 3 kes masih dalam siasatan dan prosiding mahkamah, manakala 6 kes ditolak kerana kes kemalangan berlaku di luar kawasan seliaan DBKL, dan baki 5 kes lagi telah selesai dibayar oleh pihak insurans.

9. Sebagai maklum balas keseluruhan bagi ketiga-tiga isu yang berkaitan dengan pokok berisiko tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya ingin kongsikan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Task Force Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur pada 25 Jun 2024 yang lalu, melibatkan beberapa kluster keanggotaan iaitu, kluster akademik, kluster badan profesional, dan wakil agensi Kerajaan. Keanggotaan *task force* ini akan diperluaskan kepada NGO berkaitan alam

NO SOALAN: 39

sekitar.

10. *Task force* ini juga akan meneroka potensi penubuhan ‘Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau’ bagi menggalakkan kerjasama awamswasta, termasuk sumbangan orang ramai, melalui pendekatan *whole-of-nation* dalam meningkatkan kompetensi landskap hijau di samping mengekalkan peratusan kawasan hijau Kuala Lumpur sebagaimana sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

11. Akhir sekali, bagi mencerminkan komitmen DBKL, seramai 21 kontraktor telah dilantik bermula 15 Jun 2024 bagi penyelenggaraan pokok rendang secara berkala. Setiap kontraktor perlu menyediakan seorang Arborist, iaitu individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok, untuk menilai tahap kesihatan dan tindakan mitigasi ke atas pokok.

12. Menurut rekod DBKL, bagi tahun 2024 sehingga bulan Jun sahaja, kerja-kerja penyelenggaraan telahpun dijalankan ke atas 22,283 batang pokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap perniagaan yang dioperasikan oleh warga asing.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi aktiviti penjajaan, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (WPKL) 2016 yang digunakan oleh DBKL telah menyatakan dengan jelas bahawa tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang bukan warganegara dan pemegang lesen juga tidak boleh mengambil pembantu bukan warganegara.
2. Walau bagaimanapun, bagi pelesenan premis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membenarkan bukan warganegara untuk membuat permohonan lesen perniagaan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan kecuali bagi 20 aktiviti yang tidak dibenarkan sama ada secara individu atau perkongsian seperti kedai runcit, perusahaan tekstil/pakaian dan sebagainya. Namun begitu sekatan untuk 20 aktiviti ini tidak terpakai bagi perniagaan yang berjenama antarabangsa, mempunyai cawangan dan bersifat eksklusif.
3. Dalam syarat lesen premis perniagaan juga, DBKL turut menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pekerja syarikat yang berada di premis perniagaan mestilah terdiri daripada pekerja warganegara.
4. Bagi mengawal salah laku pemilikan lesen, pemantauan secara berkala telah dirancang sepanjang tahun. Jika pemegang lesen gagal mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil termasuk tindakan sita dan membatalkan lesen perniagaan. Bagi penyewa di pusat penjaja/pasar berbangunan milik DBKL, tindakan menamatkan kontrak perjanjian penyewaan gerai turut boleh diambil bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

NO SOALAN: 41

5. DBKL juga telah menguatkuaskan undang-undang dengan melaksanakan tindakan sita serta-merta ke atas barang perniagaan warga asing dan mengeluarkan notis kesalahan terhadap majikan yang didapati mengajikan warga asing tanpa permit kerja yang sah dan seterusnya majikan tersebut akan disyorkan untuk dikenakan tindakan pembatalan lesen perniagaan.
6. Berdasarkan statistik tindakan bagi Januari sehingga Mei 2024, sebanyak **1,363 penjaja warga asing** telah disita dan sebanyak **730 Notis Kesalahan** telah dikeluarkan kepada pemilik tempatan di atas kesalahan mengambil pekerja warga asing tanpa permit kerja sah.
7. Bagi tindakan jangka masa panjang, DBKL telah mengambil inisiatif dengan memprogramkan beberapa siri tindakan secara berjadual dan operasi bersepadu bersama agensi-agensi sahabat seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi membanteras penjaja warga asing yang berleluasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, DBKL juga telah menugaskan anggota penguat kuasa bagi membuat pemantauan ke atas aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing di lokasi-lokasi *hotspot* melalui kamera litar tertutup (CCTV). DBKL juga bertindak di atas aduan melalui sosial media. Pemantauan dan tindakan akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama dan komitmen daripada agensi sahabat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) data insiden kecederaan dan kemalangan maut serta kos yang terlibat disebabkan pokok tumbang di Kuala Lumpur dalam tempoh tujuh tahun lepas; dan
- (b) tindakan untuk memastikan pokok di bawah seliaan DBKL dan premis persendirian mematuhi garis panduan untuk mengelakkan ancaman bahaya kepada orang awam.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon supaya pertanyaan daripada YB Wangsa Maju dijawab bersekali dengan pertanyaan bernombor 25 dan 39 daripada YB Bukit Bintang dan YB Bandar Tun Razak pada tarikh hari ini, beserta dengan pertanyaan bernombor 85 daripada YB Batu Pahat bertarikh 3 Julai 2024, kerana menyentuh isu yang hampir sama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan fizikal berjalan sejajar dengan perlindungan alam sekitar, di samping memberikan nilai estetik melalui kehijauan pokok, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menitikberatkan tanggungjawab pengurusan pokok rendang di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini dan mudarat berlaku kepada orang awam.

3. Menjawab isu pertama, mengenai kemampuan DBKL dalam menguruskan pokok – pokok besar dan tua, sebenarnya, dalam hal ini, pihak DBKL sudah pun menjalankan penilaian pokok-pokok berusia bermula pada 1 Januari 2019 dengan melantik kontraktor penilaian pokok berisiko (*Tree Risk Assesment*) dan penilaian ekonomi pokok di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 1,488 batang pokok telah diperiksa dan dikenal pasti iaitu 173 daripadanya dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan telah selesai ditebang.

4. Dalam masa yang sama, DBKL meneruskan pemeriksaan pokok-pokok berusia, dan bagi tujuan ini, arahan kerja kepada kontraktor untuk membuat pemeriksaan ke atas 240 batang pokok telah dikeluarkan dan dijangka akan selesai pada Ogos 2024.

5. Bagi isu kedua, mengenai pokok berisiko tinggi di atas tanah

NO SOALAN: 7

persendirian, perlu difahami bahawa pengurusan dan penyelenggaraan pokok adalah di bawah tanggungjawab dan kewajipan pemilik tanah persendirian atau pihak pengurusan skim pemajuan berstrata (seperti pemaju / *Joint Management Body* / *Management Company* / *SubManagement Company*) bagi mengelakkan dari berlakunya risiko kemalangan pokok tumbang. Perkara ini jelas diperincikan di bawah Seksyen 101(cc)(i) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

6. Hasil daripada aduan yang disalurkan oleh orang awam mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian sejak tahun 2021 sehingga Mei 2024, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 65 surat pemberitahuan mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian dan 2,807 surat peringatan (notis) telah dikeluarkan kepada pihak pengurusan yang aktif bagi skim pemajuan berstrata berkenaan tanggungjawab dan peranan mereka termasuklah isu pengurusan dan penyenggaraan pokok pada bulan April 2024.

7. Isu ketiga, adalah dijelaskan bahawa DBKL tidak menginsuranskan pokok-pokok di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan ke atas orang awam yang disebabkan oleh pokok di bawah seliaan DBKL, orang awam adalah dilindungi di bawah Polisi Tanggungan Awam (*Public Liability Policy*).

8. Semenjak tahun 2017 sehingga 2024, terdapat 14 kes kemalangan yang disebabkan oleh pokok tumbang di Kuala Lumpur, melibatkan 9 kes kecederaan dan 5 kes kematian. Daripada jumlah ini, sebanyak 3 kes masih dalam siasatan dan prosiding mahkamah, manakala 6 kes ditolak kerana kes kemalangan berlaku di luar kawasan seliaan DBKL, dan baki 5 kes lagi telah selesai dibayar oleh pihak insurans.

9. Sebagai maklum balas keseluruhan bagi ketiga-tiga isu yang berkaitan dengan pokok berisiko tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya ingin kongsikan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Task Force Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur pada 25 Jun 2024 yang lalu, melibatkan beberapa kluster keanggotaan iaitu, kluster akademik, kluster badan profesional, dan wakil agensi Kerajaan. Keanggotaan task force ini akan diperluaskan kepada NGO berkaitan alam sekitar.

NO SOALAN: 7

10. *Task force* ini juga akan meneroka potensi penubuhan ‘Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau’ bagi menggalakkan kerjasama awamswasta, termasuk sumbangan orang ramai, melalui pendekatan *whole-of-nation* dalam meningkatkan kompetensi landskap hijau di samping mengekalkan peratusan kawasan hijau Kuala Lumpur sebagaimana sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

11. Akhir sekali, bagi mencerminkan komitmen DBKL, seramai 21 kontraktor telah dilantik bermula 15 Jun 2024 bagi penyelenggaraan pokok rendang secara berkala. Setiap kontraktor perlu menyediakan seorang Arborist, iaitu individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok, untuk menilai tahap kesihatan dan tindakan mitigasi ke atas pokok.

12. Menurut rekod DBKL, bagi tahun 2024 sehingga bulan Jun sahaja, kerja-kerja penyelenggaraan telahpun dijalankan ke atas 22,283 batang pokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN
[PUTRAJAYA]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN [PUTRAJAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan masalah parkir dapat diatasi memandangkan akan berlaku pertambahan 10,000 unit rumah di Putrajaya yang akan disiapkan menjelang 2027; dan
- (b) kaedah dan inovasi yang akan digunakan untuk mengurangkan masalah parkir di perumahan Putrajaya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Putrajaya akan membuat permohonan peruntukan semasa sesi *Rolling Plan 1 (RP1)* RMKe13 bagi pembinaan kompleks Tempat Letak Kereta (TLK) bertingkat bagi kawasan berkepadatan tinggi, antaranya seperti di Presint 6, 11 dan 17 dengan anggaran petak 1,000 unit bagi setiap kompleks TLK bertingkat.
2. Bagi pembangunan perumahan berstrata akan datang, Perbadanan Putrajaya telah menetapkan piawaian kemudahan tempat letak kereta bagi kediaman yang melebihi RM300,000.00, setiap unit kediaman diperuntukkan dua (2) tempat letak kereta.
3. Antara kaedah dan inovasi yang dicadangkan adalah dengan membangunkan tempat letak kereta yang berada di atas jalan raya. Cadangan pembangunan ini adalah bagi menyelesaikan isu kekurangan tanah bagi pembangunan tempat letak kereta.
4. Untuk permulaan, Perbadanan Putrajaya telah memohon peruntukan bagi membina TLK bertingkat melalui Jabatan Perdana Menteri di bawah *Rolling Plan 5 (RP5)* RMKe-12 kepada Kementerian Ekonomi bagi dua (2) lokasi iaitu TLK Atas Jalan di Presint 16 (350 unit) dan TLK Atas Jalan di Presint 17 (250 unit).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 3 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pokok-pokok yang telah diinsuranskan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan jumlah pampasan yang telah disalurkan akibat kemalangan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon supaya pertanyaan daripada YB Wangsa Maju dijawab bersekali dengan pertanyaan bernombor 25 dan 39 daripada YB Bukit Bintang dan YB Bandar Tun Razak pada tarikh hari ini, beserta dengan pertanyaan bernombor 85 daripada YB Batu Pahat bertarikh 3 Julai 2024, kerana menyentuh isu yang hampir sama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan fizikal berjalan sejajar dengan perlindungan alam sekitar, di samping memberikan nilai estetik melalui kehijauan pokok, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menitikberatkan tanggungjawab pengurusan pokok rendang di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini dan mudarat berlaku kepada orang awam.

3. Menjawab isu pertama, mengenai kemampuan DBKL dalam menguruskan pokok – pokok besar dan tua, sebenarnya, dalam hal ini, pihak DBKL sudah pun menjalankan penilaian pokok-pokok berusia bermula pada 1 Januari 2019 dengan melantik kontraktor penilaian pokok berisiko (*Tree Risk Assesment*) dan penilaian ekonomi pokok di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 1,488 batang pokok telah diperiksa dan dikenal pasti iaitu 173 daripadanya dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan telah selesai ditebang.

4. Dalam masa yang sama, DBKL meneruskan pemeriksaan pokok-pokok berusia, dan bagi tujuan ini, arahan kerja kepada kontraktor untuk membuat pemeriksaan ke atas 240 batang pokok telah dikeluarkan dan dijangka akan selesai pada Ogos 2024.

5. Bagi isu kedua, mengenai pokok berisiko tinggi di atas tanah persendirian, perlu difahami bahawa pengurusan dan penyelenggaraan pokok adalah di bawah tanggungjawab dan kewajipan pemilik tanah persendirian atau pihak pengurusan skim pemajuan berstrata (seperti pemaju / *Joint Management Body / Management Company / SubManagement Company*) bagi mengelakkan dari berlakunya risiko kemalangan pokok tumbang. Perkara ini jelas diperincikan di bawah Seksyen 101(cc)(i) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
6. Hasil daripada aduan yang disalurkan oleh orang awam mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian sejak tahun 2021 sehingga Mei 2024, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 65 surat pemberitahuan mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian dan 2,807 surat peringatan (notis) telah dikeluarkan kepada pihak pengurusan yang aktif bagi skim pemajuan berstrata berkenaan tanggungjawab dan peranan mereka termasuklah isu pengurusan dan penyenggaraan pokok pada bulan April 2024.
7. Isu ketiga, adalah dijelaskan bahawa DBKL tidak menginsuranskan pokok-pokok di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan ke atas orang awam yang disebabkan oleh pokok di bawah seliaan DBKL, orang awam adalah dilindungi di bawah Polisi Tanggungan Awam (*Public Liability Policy*).
8. Semenjak tahun 2017 sehingga 2024, terdapat 14 kes kemalangan yang disebabkan oleh pokok tumbang di Kuala Lumpur, melibatkan 9 kes kecederaan dan 5 kes kematian. Daripada jumlah ini, sebanyak 3 kes masih dalam siasatan dan prosiding mahkamah, manakala 6 kes ditolak kerana kes kemalangan berlaku di luar kawasan seliaan DBKL, dan baki 5 kes lagi telah selesai dibayar oleh pihak insurans.
9. Sebagai maklum balas keseluruhan bagi ketiga-tiga isu yang berkaitan dengan pokok berisiko tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya ingin kongsikan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Task Force Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur pada 25 Jun 2024 yang lalu, melibatkan beberapa kluster keanggotaan iaitu, kluster akademik, kluster badan profesional, dan wakil agensi Kerajaan.

NO SOALAN: 85

Keanggotaan *task force* ini akan diperluaskan kepada NGO berkaitan alam sekitar.

10. *Task force* ini juga akan meneroka potensi penubuhan ‘Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau’ bagi menggalakkan kerjasama awamswasta, termasuk sumbangan orang ramai, melalui pendekatan *whole-of-nation* dalam meningkatkan kompetensi landskap hijau di samping mengekalkan peratusan kawasan hijau Kuala Lumpur sebagaimana sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

11. Akhir sekali, bagi mencerminkan komitmen DBKL, seramai 21 kontraktor telah dilantik bermula 15 Jun 2024 bagi penyelenggaraan pokok rendang secara berkala. Setiap kontraktor perlu menyediakan seorang Arborist, iaitu individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok, untuk menilai tahap kesihatan dan tindakan mitigasi ke atas pokok.

12. Menurut rekod DBKL, bagi tahun 2024 sehingga bulan Jun sahaja, kerja-kerja penyelenggaraan telahpun dijalankan ke atas 22,283 batang pokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 3 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara perincian terhadap pembekuan dana Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kuala Lumpur.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menerima apa-apa peruntukan di bawah dana Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kuala Lumpur.
2. Walau bagaimanapun, DBKL telah memohon dana setiap tahun kepada Jabatan Wilayah Persekutuan / Kementerian Wilayah Persekutuan berdasarkan kepada permohonan daripada perumahan strata swasta di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi membiayai penyelenggaraan dan pemberian perumahan strata swasta.
3. Pada tahun 2020, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM38.5 Juta kepada DBKL untuk menyelenggara dan membaik pulih 41 skim perumahan strata kos rendah dan kos sederhana rendah di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 54 projek penyelenggaraan dan baik pulih telah siap dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan ini.
4. Bagi tahun 2021 pula, dana PEMERKASA (Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi) berjumlah RM15 juta, masing-masing RM10 juta untuk membiayai penyelenggaraan perumahan awam dan RM5 juta untuk membiayai penyelenggaraan perumahan strata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta di sekitar Kuala Lumpur.
5. Namun selepas tahun 2021, tiada dana diperuntukkan kepada DBKL untuk tujuan perumahan strata swasta. Walau bagaimanapun, DBKL telah membuat permohonan secara *one-off* bagi tahun 2024 sejumlah RM55.5 Juta bagi perumahan strata swasta dan permohonan secara Geran Tahunan mulai tahun 2025 berjumlah RM20 juta bagi membiayai penyelenggaraan 287 skim kos rendah dan sederhana rendah di sekitar Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 10 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah struktur dan matlamat sebenar penubuhan KL *Strike Force* dan bagaimanakah sasaran penyelesaian isu berkaitan pendatang asing dapat diselesaikan sepenuhnya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan KL *Strike Force* telah dicadangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan Bil. 1/2024 bertarikh 27 Mei 2024. Tujuan penubuhan unit khas ini adalah untuk membentuk satu (1) pasukan yang akan bertindak secara bersepada melibatkan pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam).
2. Matlamat sebenar penubuhan unit ini pula adalah bagi menangani isu lambakan aktiviti perniagaan warga asing, pengemis, gelandangan serta isu-isu semasa yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini, satu (1) bengkel melibatkan pelbagai agensi akan dilaksanakan bagi menyelaras terma rujukan penubuhan unit khas ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 10 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini projek pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru Kuala Lumpur serta tindakan yang diambil terhadap pemaju projek.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, projek pembangunan semula kawasan Sungai Baru Kuala Lumpur, yang telah tertangguh ini, merupakan isu legasi yang diwarisi menerusi beberapa pentadbiran kerajaan, daripada latar belakang pelbagai parti ya, yang berbeza-beza. Projek pembangunan semula ini memerlukan bagi saya tekad politik yang besar jika mahu diselesaikan dengan segera dan hala tuju kepada projek ini memerlukan keputusan yang objektif, bukannya keputusan yang populis semata-mata.

Sebagaimana yang sering dicanangkan oleh beberapa mantan yang lain sebelum ini. Dengan pendekatan yang disebutkan ini, dalam masa 6 bulan semenjak saya mengambil alih dan menerajui Wilayah Persekutuan ini, projek pembangunan semula yang sudah terbengkalai setelah sekian lama ini, sudah pun mengajak ke tahun yang kelapan kini ya. Akhirnya, insya-Allah akan bakal dapat dimulakan sedikit masa lagi.

Jika tiada aral melintang, projek ini akan pecah tanah, dijangka boleh diadakan pada penghujung tahun ini. Manakala pelaksanaan pembinaan boleh dimulakan pada suku tahun depan, 2025 setelah mendapat kelulusan perintah pembangunan atau DO daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat mengenai status terkini pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru, Kuala Lumpur ini, polemik yang timbul adalah sebenarnya terdapat dua pihak berkepentingan yang tidak sependapat ya. Yang pertama, yang dilabelkan sebagai pihak majoriti adalah pihak yang bersetuju dengan tawaran JV pihak pemaju dan telah pun memberikan kerjasama sepenuhnya.

Manakala sebahagian yang lain ialah pihak yang kedua ataupun yang minoriti, tidak menerima tawaran JV ini oleh pihak pemaju dan tidak berpuas hati dengan jumlah pampasan yang diterima setelah tanah mereka diambil melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 dan enggan

NO SOALAN: 6

mengosongkan premis. Dan nisbah antara yang majoriti dengan minoriti inilah 66.77 peratus, berbanding dengan 32.23 peratus. Saya berkesempatan bertemu dengan keduanya pihak, di bangunan pejabat Perbadanan Kampong Bharu dan mendengar sendiri dengan teliti setiap penjelasan serta harapan yang mereka suarkan.

Walau bagaimanapun, setelah dipertimbangkan, saya berpandangan kerajaan harus berlaku adil pada pihak yang majoriti, yang bersetuju dan akur sejak awal dengan projek pembangunan semula di Kampung Sungai Baru ini. Antara asas pertimbangannya adalah apabila diperhatikan urusan pengambilan tanah yang dibuat adalah mengikut penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah berdasarkan Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah dan pemberian tambahan pampasan diberikan antara 10 hingga 15 peratus oleh JKPTG.

Malahan golongan minoriti ini telah memberikan penempatan sementara dan juga pernah diberikan peluang yang sama dengan golongan majoriti, iaitu balasan rumah dengan keluasan yang lebih besar dan guaranteed value yang akan meningkat pada masa akan datang melalui perjanjian JV dengan pihak pemaju. Tetapi apabila pihak yang satu lagi atau minoriti masih ada yang berkeras ya, tidak mahu mengosongkan premis, perkara ini juga telah menimbulkan beberapa perkara seperti kacau ganggu mungkin, terhadap pelaksanaan kerja-kerja pembersihan di tapak dan pembinaan papan dinding dan juga kerja meroboh bangunan secara berperingkat, yang sedang dilaksanakan oleh pemaju.

Sedangkan dalam perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan termasuklah Ahli Parlimen Titiwangsa contohnya, kita dapat tahu terdapat isu-isu keselamatan yang diakibatkan oleh rumah-rumah yang tinggal dan tidak selamat diduduki dan juga telah dicerobohi oleh penagih dadah contohnya dan juga warga asing ya. Jadi, saya berharap semua pihak termasuk orang awam dapat memahami proses. Mengapa proses peruntuhan perlu diteruskan dan tidak terpengaruh dengan hantaran-hantaran yang dibuat di media sosial.

Bagi mempercepatkan proses ini, dari masa ke semasa, kerajaan sentiasa menggesa pemaju untuk mengadakan libat urus dengan DBKL, TNB, SYABAS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia, di mana saya sendiri pernah mempengerusikan mesyuarat bersama stakeholders ini.

NO SOALAN: 6

Jadi, akhir sekali saya menegaskan kembali komitmen yang pernah saya utarakan ketika menjawab pertanyaan YB Pasir Salak dahulu, pada mesyuarat yang lepas iaitu Kampong Bharu akan kekal sebagai simbol kemajuan orang Melayu di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur dan akan menjadi ikon komersial orang Melayu pada masa hadapan. Jadi, kita tahu bahawa pembangunan ini akan menjadi *catalyst* kepada pembangunan Kampong Bharu keseluruhannya. Bagi tujuan ini, saya akan memastikan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040 akan dilaksanakan secara telus dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 10 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komponen 2.63% projek ROLKL yang masih belum disiapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam laman web JWP. Adakah JWP bercadang untuk menjenamakan semula ROLKL supaya senang dibezakan fasa ROL mana yang diselenggara oleh JWP.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2024 peratusan komponen pembersihan sungai Projek *River of Life* (RoL) yang belum siap ialah 2.48% berbanding 2.63% pada 30 April 2024 iaitu dengan peningkatan sebanyak 0.15%. Faktor kelewatan pelaksanaan adalah disebabkan ketidakupayaan kontraktor untuk menyiapkan projek, pengalihan utiliti, urusan dengan pihak ketiga seperti Koridor Utiliti Selangor (KUSEL) dan bantahan awam, keperluan kerja yang lebih rumit kerana komposisi bawah tanah yang pelbagai serta jentera perlu beroperasi di kawasan yang terhad.
2. Pakej-pakej di bawah komponen pembersihan sungai Projek RoL yang masih belum siap adalah seperti berikut:
 - i. pakej D56 pembinaan rangkaian paip pembetungan di Batu, Jinjang Kepong (Fasa 2 Zon 1C);
 - ii. pakej D43 pembinaan rangkaian paip pembetungan di Batu;
 - iii. pakej D44 pembinaan rangkaian paip pembetungan di Bunus;
 - iv. pakej D39 kerja-kerja penyambungan premis ke pembetungan awam di kawasan Taman Seputeh, Kuala Lumpur;
 - v. pakej D41 kerja-kerja penyambungan premis ke pembetungan awam di kawasan Taman Shanghai, Jalan Jugra dan Jalan Tan Yew Lai 1, Kuala Lumpur;
 - vi. pakej D42 kerja-kerja penyambungan premis ke pembetungan awam di kawasan Ampang Hilir, Kuala Lumpur;
 - vii. kerja-kerja penjajaran semula paip pembetungan di Rancangan Tebatan Banjir Sri Rampai, Kuala Lumpur; dan
 - viii. pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu, Jinjang Kepong, Kuala Lumpur.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bertanggungjawab menyelaras dan memantau pelaksanaan keseluruhan pembangunan Projek RoL. Manakala agensi pelaksana adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

4. JWP tidak berhasrat untuk menjenamakan semula ROLKL dan akan mengekalkannya kerana telah dikenali di peringkat tempatan serta antarabangsa. Tambahan itu, komponen pengindahan sungai Projek RoL juga telah berjaya memberi gambaran yang positif kepada umum apabila tersenarai dalam *World's 10 best waterfront districts* oleh *Independent* (portal berita dalam talian United Kingdom). Antara pengiktirafan antarabangsa telah diperolehi bagi projek ini antaranya seperti berikut:

- i. salah satu daripada 10 lanskap pancutan air terbaik di dunia oleh *The Independent* pada tahun 2019;
- ii. *The International Award for Liveable Communities 2021* bagi Projek River of Life (Presint 7);
- iii. 4 Star in the *Universal Access Design Audit by the Universal Design Auditors from the International Islamic University of Malaysia*, November 2019;
- iv. *President Award Transforming Kuala Lumpur Heritage Quarters Urban Landscape*, 2018; dan
- v. *Gold Award, Singapore Landscape Architecture Award 2015 River of Life Master Plan*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam usaha membantu pembeli rumah dalam projek pembangunan terbengkalai, yang dikenal pasti sebagai 'Projek Sakit' khasnya bagi mereka membeli rumah melalui laman web residensi wilayah di bawah JWP.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan takrifan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sesebuah projek pembangunan dikategorikan sebagai projek sakit apabila kemajuan pembinaan itu mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding kemajuan yang sepatutnya atau tamat tempoh tarikh Perjanjian Jual Beli (PJB).
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Julai 2024, **belum ada projek Residensi Wilayah yang diisyiharkan sebagai projek terbengkalai** oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JPN, KPkt). Walau bagaimanapun, terdapat **tiga (3) projek Residensi Wilayah ketika ini, yang telah dikategorikan sebagai projek sakit** iaitu:
 - (i) **Residensi Hektar;**
 - (ii) **Pangsapuri Salak Selatan; dan**
 - (iii) **Residensi Hijauan Pantai.**
3. Memandangkan program Residensi Wilayah Program Perumahan Mampu Milik Swasta, maka segala usaha pemantauan projek juga akan dijalankan bersama-sama dengan pihak JPN, KPkt berdasarkan status kemajuan yang dilaporkan oleh pihak pemaju. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh JWP seperti:
 - (i) Mengadakan sesi libat urus bersama dengan semua agensi Kerajaan yang terlibat termasuklah agensi penyedia perkhidmatan utiliti serta industri melalui **mesyuarat**

pemantauan dan lawatan tapak yang bagi mengenal pasti isu dan jalan penyelesaian dalam memastikan projek-projek sakit tersebut dapat disiapkan; dan

- (ii) Mengadakan **perbincangan dengan pihak institusi kewangan yang berkaitan** seperti Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi mendapatkan nasihat khususnya kepada penjawat awam yang terkesan dalam projek sakit di bawah Residensi Wilayah. Manakala bagi pembeli lain telah dinasihatkan untuk mendapatkan surat pengesahan daripada JPN, KPKT untuk dimajukan kepada institusi kewangan bagi tujuan memohon pertimbangan daripada pihak institusi kewangan sama ada untuk pengurangan kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman atau penstrukturkan semula pinjaman tertakluk kepada kelulusan institusi kewangan berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARA [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen DBKL dalam mengekalkan kawasan hijau melalui PTKL2040 selaras dengan janji YAB sendiri ketika perasmian Residensi Wilayah di Sungai Besi.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur iaitu Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (Draf PTKL2040), tanah lapang terdiri dari kawasan lapang dan kawasan hijau seperti berikut:
 - i. Kawasan lapang meliputi keseluruhan zon guna tanah **Kawasan Lapang Awam 1 (OS1), Kawasan Lapang Awam 2 (OS2), Kawasan Lapang Swasta 3 (OS3), Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4) dan Hutan Simpan (Forest Reserve).**
 - ii. Selain itu, tafsiran tanah lapang dalam zon guna tanah diperkuuhkan dengan penetapan kawasan hijau yang terdiri daripada **sebahagian zon guna tanah seperti Tanah Perkuburan Dan Pengurusan Mayat (CE), Infrastruktur dan Utiliti (IU) serta Pengangkutan (TR).**
2. Justeru itu, beberapa cadangan dan inisiatif pelaksanaan telah dinyatakan dalam Draf PTKL2040 sebagai komitmen DBKL untuk memastikan sasaran tanah lapang dapat dicapai antaranya:
 - i. Mengenalpasti tanah lapang sebagai kawasan pemeliharaan hijau. Antara kawasan pemeliharaan hijau berpotensi yang telah dikenalpasti menjadi kawasan penyelidikan semula jadi di Kuala Lumpur adalah **Taman Botani Perdana (74.78 hektar), Taman Tasik Titiwangsa (46.27 hektar), Taman Tasik Permaisuri (55.42 hektar), Taman Metropolitan Kepong (80.28 hektar) dan Taman Metropolitan Batu (27.74 hektar).**

NO SOALAN: 5

- ii. **Memperkasakan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau** di Kuala Lumpur sebagai produk pelancongan semula jadi seperti Pelancongan Kembara dan Tanah Tinggi, Pelancongan Berasaskan Air dan Pelancongan Kreatif Taman Tasik dan sebagainya.
- iii. **Memperkasakan tanah lapang sedia ada** bagi mengelakkan tanah lapang tersebut ditukar guna kepada aktiviti guna tanah dan antara usaha yang akan dilaksanakan adalah seperti:
 - a) Mewartakan tanah lapang yang dikenalpasti berpotensi untuk dijadikan kawasan rekreasi awam;
 - b) Mengaktifkan penggunaan tanah lapang bagi mengelakkan pencerobohan dan salah guna;
 - c) Menaiktaraf taman poket dan plaza di kawasan tumpuan orang ramai; dan
 - d) Menyelenggara dan memantau tanah lapang secara berterusan bagi keselesaan penduduk setempat dan pengguna.
- iv. **Mengenalpasti tasik dan kolam takungan banjir untuk dinaik taraf sebagai taman rekreasi** bagi mengekalkan fungsi sebagai kolam takungan banjir dan membantu meningkatkan penyediaan kawasan hijau.
- v. **Mewujudkan sumbangan dana amanah awam** bertujuan pengurusan dan penyelenggaraan kawasan lapang dan kawasan hijau bagi meningkatkan kesedaran dan *sense of belonging* orang awam terhadap kawasan hijau dan kawasan lapang. Ini kita telah juga mengadakan libat urus dengan badan-badan profesional industri dan juga orang awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program perlindungan sosial yang lebih baik yang dilaksanakan Kerajaan untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah yang terdedah di semua perumahan awam di Kuala Lumpur yang sedang bergelut untuk memenuhi keperluan asas mereka walaupun negara kita sudah mencatatkan sedikit sebanyak pemulihan ekonomi selepas dilanda bencana COVID-19.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menyediakan pelbagai program dan bantuan perlindungan sosial kepada rakyat antaranya bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Sumbangan Tunai Rahmah/ Sumbangan Asas Rahmah (STR/ SARA), skim perlindungan takaful Mysalam dan Skim Peduli Kesihatan PeKA B40 serta bantuan-bantuan bukan tunai yang lain.
2. Bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan mendapat perlindungan sosial yang komprehensif untuk mendepani ketidaktentuan ekonomi semasa, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melaksanakan beberapa inisiatif antaranya seperti berikut:
 - i. Menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga. Peruntukan berjumlah RM52,080.00 bagi 434 golongan suri rumah berstatus miskin tegar telah disalurkan kepada PERKESO bagi caruman dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) manakala peruntukan sebanyak RM17,614.80 juga telah disediakan kepada seramai 756 orang penjaja di WPKL di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).
 - ii. Selain itu, inisiatif MYGrocer@Wilayah merupakan satu inisiatif jangkauan (*outreach*) yang membawa perkhidmatan ini ke kawasan penduduk setempat berkonsepkan pasar bergerak menggunakan trak 1 tan ke kawasan perumahan kos rendah menjual barang basah dan keperluan harian pada harga 5% hingga 20% lebih

murah daripada harga di pasar awam tanpa subsidi daripada JWP. Sehingga kini, trak MYGrocer@Wilayah telah beroperasi ke 93 lokasi Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam (PPR/PA) dan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur dengan kapasiti 14 trak.

- iii. MYSchoolBus@Wilayah adalah program bas sekolah percuma yang telah diwujudkan pada tahun 2017. Program ini memfokuskan kepada anak-anak golongan berpendapatan rendah yang tinggal di 140 kawasan melibatkan PPR/PA, kuarters dan perumahan kos rendah swasta. Bagi sesi persekolahan 2024/ 2025, seramai 8,705 orang pelajar daripada 296 buah sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) menggunakan perkhidmatan ini di mana melibatkan 108 pengendali dengan 221 buah kenderaan. Sehingga kini program ini telah memberi manfaat kepada 68,345 orang pelajar. Pada tahun 2024, pihak MAIWP juga turut bekerjasama untuk membiayai sebahagian kos perkhidmatan ini sebanyak RM4,800,000.00 yang melibatkan seramai 4,000 pelajar selama 12 bulan.
- iv. MyJob@Wilayah merupakan inisiatif yang dilaksanakan secara kerjasama antara DBKL dan agensi kerajaan lain seperti PERKESO serta syarikat-syarikat swasta. Program ini telah bermula pada tahun 2021 yang melibatkan kehadiran peserta temuduga secara atas talian manakala pada tahun 2022 sehingga kini, program ini telah dianjurkan secara fizikal sebanyak 24 sesi yang memfokuskan kepada kawasan PPR/PA yang meliputi 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Analisa mendapati bahawa seramai 7,855 peserta telah hadir menjalani temuduga secara atas talian dan fizikal daripada tahun 2021 sehingga tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,290 peserta telah berjaya mendapat pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan dan rintangan yang melumpuhkan usaha pembangunan semula Kampong Baru Salak Selatan yang terbiar sejak beberapa dekad lalu dan jalan penyelesaiannya termasuk melibatkan penyertaan pemaju berdaya maju.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius kepentingan dan keselesaan warga kota yang tinggal di Kuala Lumpur. Melalui pelaksanaan pembangunan semula, kawasan-kawasan usang yang ketinggalan dari arus pembangunan dapat dibangunkan dengan lebih terancang, *vibrant* dan berdaya maju.
2. Secara umumnya, Kampung Baru Salak Selatan, Cheras terletak di dalam Mukim Petaling, Daerah Kuala Lumpur. Kawasan ini merupakan kawasan lot-lot kediaman yang telah dibangunkan sejak tahun 1952. Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020), secara umumnya menetapkan kawasan ini di bawah zon kediaman 3 (R3).
3. Di antara faktor halangan dan rintangan dalam membangunkan tapak ini adalah seperti berikut:-
 - i. Kesukaran mendapatkan komitmen pemilik dari segi persetujuan bersama pemaju untuk membangunkan kawasan ini;
 - ii. Tawaran yang terbaik dari pemaju tidak diterima oleh pemilik. Malah pemilik meminta tawaran yang lebih tinggi dari kos sebenar yang di luar kemampuan pemaju;
 - iii. Isu perpindahan dan penempatan sementara penduduk sekiranya pelaksanaan pembangunan semula dijalankan di kawasan tersebut;
 - iv. Isu penawaran dari segi unit kediaman, harga unit kediaman

- dan pampasan yang tidak dipersetujui oleh pemilik;
- v. Pembangunan semula akan menambah kepadatan penduduk di kawasan ini yang menyebabkan isu kesesakan akan berlaku;
 - vi. Pinjaman bank untuk membayar harga rumah sukar diperolehi kerana pemilik kebanyakannya bekerja sendiri; dan
 - vii. Pemilik bimbang jika pembangunan semula ini terbengkalai atau mengambil masa yang lama untuk disiapkan akan memberi kesan kepada kehidupan pemilik.
4. Sebagai jalan penyelesaian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka garis panduan pembangunan semula yang memberi jaminan kepada pemilik-pemilik tanah. Selain itu, sesi libat urus bersama pemaju berpotensi, pemilik/penduduk serta pihak badan pengurusan akan dilaksanakan untuk memberi pendedahan serta pemahaman berkaitan pelaksanaan Pembangunan Semula Bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan Kementerian dalam menangani miskin tegar bandar yang terdapat di Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur dan menyatakan berapa jumlah angka yang sebenar.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah melaksanakan pelbagai langkah menangani kemiskinan tegar melalui pendekatan keseluruhan negara (*whole-of nation approach*) di Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) berpandukan kepada kerangka baharu Program Usaha Jaya Insan Wilayah Persekutuan (PUJI@WP) mulai 22 Februari 2024.
2. Konsep yang melibatkan kerjasama pihak berkepentingan (*stakeholders*) dari kalangan Yayasan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan agensi-agensi lain ini adalah terdiri daripada enam (6) inisiatif utama seperti berikut:-
 - i. Upaya@PUJI;
 - ii. Ihsan@PUJI;
 - iii. Lindung@PUJI;
 - iv. Ilmu@PUJI;
 - v. Sihat@PUJI; dan
 - vi. Infra@PUJI.
3. Di bawah PUJI@WP, fokus utama adalah kepada dua (2) kategori iaitu golongan miskin tegar yang tidak produktif (berumur 60 tahun ke atas dan berumur 18 tahun ke bawah) melalui penyelarasan bantuan yang berkelayakan secara berterusan daripada agensi pemberi bantuan, manakala bagi golongan miskin tegar yang produktif (berumur 19 tahun hingga 59 tahun) akan dikenal pasti untuk dilibatkan di dalam program/ aktiviti pendayaupayaan dan

penjanaan pendapatan yang berterusan agar terkeluar daripada status miskin tegar masing-masing.

4. Program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan JWP di WP sebagai pemangkin kepada pencapaian kemampunan sosio ekonomi di masa hadapan adalah seperti:-

- i. Program Basmi Miskin Tegar (iBMT) bersama Kementerian Ekonomi (KE) meliputi seramai 132 KIR bagi fasa I dan 531 KIR bagi fasa II;
- ii. Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Wilayah Persekutuan Usahasama antara JWP, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melibatkan seramai 83 KIR;
- iii. Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Wilayah Persekutuan melalui Kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Insititut Agro Usahawan (iGROW) melibatkan seramai 350 KIR;
- iv. Program *Community Based Cloud Kitchen* bersama Pepper Labs melibatkan permulaan seramai 50 KIR;
- v. Program *Train & Place* bersama PERKESO melibatkan seramai 100 KIR; dan
- vi. Sumbangan sosial korporat bersama syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

5. Berdasarkan usaha ini, data terkini kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan sehingga 31 Mei 2024 menunjukkan penurunan yang amat memberangsangkan daripada data yang dikunci semula (*relocked figure*) pada 31 Januari 2024 yang mana hanya berbaki seramai 195 KIR MT sahaja berbanding 1,524 KIR (penurunan sebanyak 87.2%) yang akan dinuktahkan menjelang bulan Jun 2024. Perincian terkini komposisi miskin tegar di Wilayah

Persekutuan adalah seperti berikut:-

- i. WP Kuala Lumpur – 187 KIR;
- ii. WP Labuan – 8 KIR; dan
- iii. WP Putrajaya – 0 KIR.

6. Data *relocked figure* bermaksud data yang telah dikunci semula daripada data dinamik pada sesuatu tarikh tertentu seperti dalam jawapan ini adalah pada 31 Januari 2024. Sebagaimana diketahui umum bahawa data kemiskinan eKasih merupakan data yang sentiasa berubah-ubah (dinamik) dan disebabkan itu data ini perlu dikunci (*locked*) kali pertama pada 22 Mac 2022 dan dikunci semula (*relocked*) pada 31 Januari 2024 bagi membolehkan usaha menoktahkan kemiskinan tegar difokuskan kepada suatu angka sasaran semasa yang tetap. Antara faktor-faktor yang menyebabkan data dinamik adalah proses bancian semula yang dibuat secara konsisten dan berkala, permohonan baharu eKasih, kelewatan proses sambungan bantuan bertempoh dan tahap integriti maklumat yang diperoleh daripada KIR.

7. Sesungguhnya, JWP bersama agensinya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar secara konsisten serta memangkin kemampunan sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan secara inklusif dan terangkum agar agihankekayaan negara dinikmati secara adil dan saksama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan serta ukuran dari segi tahap keselamatan untuk membina Electric Vehicle Charging Station (EVCS) di kawasan perumahan terutamanya di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sentiasa komited untuk mentransformasikan Wilayah Persekutuan ke arah sebuah bandar yang mampan dan berdaya saing selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 13).
2. Perancangan dan reka bentuk *Electric Vehicle Charging Station* (EVCS) di Wilayah Persekutuan adalah berdasarkan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) yang dikeluarkan pada September 2023 oleh pihak **PlanMalaysia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**. Skop Garis Panduan tersebut merangkumi Garis Panduan Keperluan Keselamatan bagi EVCB yang telah disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Pemakaian dan pelaksanaan Garis Panduan tersebut adalah terpakai di premis dan kawasan perumahan.
3. Untuk makluman juga, Jabatan Wilayah Persekutuan telah menetapkan sasaran pencapaian sebanyak 1,000 unit pemasangan EVCB menjelang 2025 di Wilayah Persekutuan. Sehingga Jun 2024, terdapat sebanyak 612 unit EVCB yang telah dipasang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 7 unit di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN [BATU]**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berkaitan pembekuan jualan rumah DBKL kepada orang awam.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan rumah Program Perumahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL) telah dilaksanakan sejak tahun 2010 melibatkan 45,357 unit rumah. Walau bagaimanapun hanya 21,743 unit iaitu 48% daripada jumlah keseluruhan unit tersebut telah menyempurnakan urusan pembelian dengan menandatangani Perjanjian Jual Beli dan membayar keseluruhan harga rumah.
2. Situasi tersebut dilihat tidak memberangsangkan kerana setelah 10 tahun dibuka untuk penjualan PPR/PA, penyewa sedia ada lebih selesa menyewa rumah PPR/PA berbanding dengan permintaan untuk membeli unit PPR/PA yang semakin menurun.
3. Komitmen dan kos sara hidup yang semakin meningkat turut menyebabkan permintaan untuk memiliki rumah tidak menjadi keutamaan kepada penyewa memandangkan terdapat kos-kos sampingan seperti kos penyelenggaraan, kumpulan wang pelepas (*sinking fund*), cukai petak, insurans dan lain-lain lagi yang perlu dijelaskan setiap bulan oleh pemilik-pemilik PPR/PA. Sehubungan itu, Jabatan Wilayah Persekutuan telah menangguhkan program penjualan PPR MTEN dan PA DBKL berkuatkuasa pada 1 Ogos 2020.
4. Memandangkan terdapat permohonan untuk memiliki unit PPR/PA DBKL, JWP bersama DBKL pada tahun 2023 telah mengadakan tinjauan terhadap PPR/PA DBKL di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula 1 Februari 2023 sehingga 31 Mac 2023. Tinjauan ini melibatkan keseluruhan unit PPR/PA DBKL berjumlah 61,736 unit di 63 kawasan PPR/PA DBKL dan mendapati keupayaan responden untuk membiayai

pinjaman perumahan agak meragukan kerana 10,663 responden (76.76%) daripada 13,891 responden yang berhasrat membeli PPR/PA DBKL mempunyai pendapatan di bawah RM2,500.00. Dapatkan juga menunjukkan bahawa daripada responden yang minat membeli PPR/PA DBKL, sejumlah 4,811 responden adalah mereka yang tidak bekerja. Di samping itu, setakat 31 Disember 2022, data DBKL menunjukkan jumlah tunggakan sewa adalah RM27 juta. Situasi ini akan menyebabkan masalah serius dalam keupayaan responden untuk membiayai pinjaman perumahan jangka panjang.

5. Selain itu, penjualan PPR/PA DBKL mengakibatkan Kerajaan berhadapan dengan peningkatan giliran menunggu yang tinggi untuk menyewa PPR/PA DBKL susulan ketiadaan bekalan unit sewaan PPR/PA DBKL kepada golongan penyewa baru. Sehingga Mei 2023, **38,000 pemohon** sedang menunggu giliran untuk menyewa PPR/PA DBKL. Setelah mengambil kira isu-isu yang dinyatakan di atas, maka keputusan penangguhan penjualan PPR/PA DBKL masih dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN
[PUTRAJAYA]**

SOALAN

DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN [PUTRAJAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) kawasan-kawasan sekitar Putrajaya yang dikategorikan sebagai tempat parkir berbayar bagi kategori persendirian dan bawah seliaan Perbadanan Putrajaya (PPj) beserta kadar bayaran bagi setiap kawasan parkir tersebut; dan
- (b) tambahan hasil pendapatan diperoleh PPj daripada caj parkir ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tempat Letak Kereta (TLK) Berbayar di Putrajaya diuruskan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Putrajaya Holding (PjH) bagi kawasan lot persendirian berdasarkan pemilikan tanah masing-masing.
2. TLK Berbayar di bawah PPj telah disediakan di kawasan pejabat kerajaan di Presint 1 hingga Presint 5, kawasan lot komersial di Presint 8, Presint 9, Presint 14 dan Presint 15 dan hab pengangkutan awam utama Putrajaya di Terminal Putrajaya Sentral, Presint 7. Manakala taman-taman awam dan kawasan kompleks kejiranan tidak dikenakan sebarang caj TLK. Kemudahan TLK Berbayar telah memberi jaminan keselesaan dan keselamatan kepada pengguna.
3. Kadar caj TLK di kawasan *core island* iaitu di sekitar pejabat kerajaan Presint 1 hingga Presint 4 adalah RM1.00 sejam dan RM4.00 (maksimum) sehari pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang (waktu pejabat). Penetapan kadar ini telah dikuatkuasakan dan dilaksanakan oleh kedua-kedua agensi PPj dan PjH. Selain daripada itu, kadar caj komersial adalah ditentukan oleh pengurusan pihak PjH.
4. Sebagai salah satu inisitif, sebanyak 20% daripada jumlah setiap lokasi TLK berbayar PjH di *core island* telah diperuntukkan kepada penjawat awam di kawasan sekitar. Kemudahan pas bulanan juga disediakan kepada semua pengguna TLK di Putrajaya sama ada di bawah PjH mahupun PPj untuk membelinya sebagai alternatif. Penjawat awam mempunyai kelebihan dengan menggunakan pas bulanan di semua TLK berbayar di Putrajaya dengan kadar RM90 sebulan dan tuntutan bayaran balik boleh dibuat melalui agensi kerajaan masing-

NO SOALAN: 526

masing selaras Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

5. Anggaran kutipan hasil TLK Berbayar di bawah pengurusan PPj bagi 7,500 petak adalah purata hasil sebanyak RM250,000 sebulan.

Sekian, terima kasih.